

SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**MODUL 2**

**HADITH-HADITH MENGENAI KEPIMPINAN & PEMERINTAHAN**

**JANUARI 2019**

**MASA : 1 JAM**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

***Arahan:***

- 1. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.*
- 2. Kertas soalan ini mengandungi **dua (2)** soalan dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
- 3. Calon dikehendaki menjawab **satu (1)** soalan sahaja.*
- 4. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak termasuk muka hadapan

**[Lihat Halaman Sebelah  
SULIT**

**Arahan** : Sila jawab **satu (1)** soalan sahaja.

### **SOALAN PERTAMA**

Soalan pertama adalah berdasarkan terjemahan hadith di bawah:

Daripada Abi Musa (R.A) katanya: “Aku telah masuk bertemu dengan Nabi SAW bersama dua orang lelaki daripada keturunan Bani ‘Ammy, lalu salah seorangnya berkata [kepada Rasulullah]: *“Wahai Rasulullah, lantiklah kami dalam sebarang urusan kepimpinan yang telah Allah Azzawajal berikan kepada kamu”*. Dan seorang lagi pun mengatakan yang demikian. Lalu [Rasulullah SAW] bersabda: *“Sesungguhnya kami – demi Allah- tidak akan memberikan [amanah kepimpinan] ini kepada sesiapa pun yang memintanya, dan tidak juga memberikan kepada sesiapa yang berusaha [mendapatkannya]”*

(Muttafaqun ‘Alayh)

(1) Jelaskan secara ringkas biodata perawi hadith di atas.

(2 markah)

(2) Jelaskan pandangan Islam dalam isu meminta-minta jawatan kepimpinan.

(5 markah)

(3) Huraikan apa yang dapat dijadikan pengajaran daripada maksud petikan-petikan di bawah dalam konteks realiti kepimpinan zaman moden hari ini:

(a) *“Tidak memberikan [amanah kepimpinan] kepada sesiapa yang memintanya..”*

(6 markah)

(b) *“Tidak memberikan [amanah kepimpinan] kepada sesiapa yang berusaha mendapatkannya...”*

(6 markah)

(4) Berdasarkan mesej utama hadith di atas, huraikan **dua (2)** aspek yang amat dititikberatkan oleh Islam dalam persoalan perantaraan kepimpinan.

(6 markah)

**SOALAN KEDUA:**

Soalan kedua adalah berdasarkan petikan hadith di bawah:

*“Daripada Ma‘qal bin Yassar al-Muzani katanya: “Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW telah bersabda: “Tiadalah seorang hamba yang Allah berikannya rakyat (menjadikannya pemimpin), yang pada hari kematiannya dia mati dalam keadaan menipu rakyatnya melainkan Allah mengharamkan baginya syurga”*

[Diriwayatkan Oleh Muslim]

- (1) Jelaskan secara ringkas biodata perawi hadith di atas. (2 markah)
  
- (2) Huraikan secara ringkas mesej utama hadith di atas. (3 markah)
  
- (3) Jelaskan dosa besar dalam aspek kepimpinan berdasarkan hadith di atas. (4 markah)
  
- (4) Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai:
  - (a) Bincangkan **dua (2)** kepentingan prinsip ketelusan dalam kepimpinan Islam pada masa kini. (8 markah)
  
  - (b) Huraikan **dua (2)** langkah yang efektif dalam menyuburkan budaya berintegriti dalam kepimpinan. (8 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**[Lihat Halaman Sebelah  
SULIT**